

**STRATEGI PEMBANGUNAN PROGRAM *HOMESTAY* KAMPUNG
KANGKAR MERLIMAU**

MOHD MAHATHIR SUHAIMI B. SHAMSURI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Kampung Kangkar Merlimau pernah diwartakan sebagai kawasan Pelancongan Agro sebelum ini oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor pada tahun 1993 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2007). Pembangunan pelancongan tersebut telah mendapat kerjasama dari Jabatan Pertanian untuk membantu komuniti yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan inap desa (homestay). Walau bagaimanapun, pada tahun 2005 Jabatan Pertanian telah menarik diri dari usaha sama tersebut disebabkan pembangunan program homestay yang tidak menggalakkan. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran, pengetahuan, dan penglibatan ketua, di samping mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran antara komuniti yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran, untuk membangunkan program *homestay* yang lepas di Kampung Kangkar Merlimau. Kaedah persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan bertujuan, iaitu keadaan di mana pengkaji memilih sampel berdasarkan pengalaman dan pengetahuan tentang kumpulan yang akan dikaji sahaja. Jadi dalam kajian yang dijalankan, sampel yang diambil berjumlah 81 orang penduduk yang pernah terlibat dalam program homestay sahaja. Hasil kajian didapati skor min untuk tahap kemahiran, pengetahuan, dan penglibatan ketua adalah 2.99, 3.04, dan 2.76, dan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga tahap tersebut adalah sederhana. Melalui kajian ini juga, didapati terdapat perbezaan signifikan tahap kemahiran komuniti yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran, kecuali untuk tahap kemahiran komunikasi didapati tiada perbezaan yang signifikan. Oleh itu, kemahiran dan pengetahuan komuniti serta penglibatan ketua dalam menjayakan program homestay di Kampung Kangkar Merlimau ini perlu dipertingkatkan lagi.



ABSTRACT

Kangkar Merlimau village previously published as the Agrotourism by Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor in 1993 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2007). Tourism development was warmly received by Jabatan Pertanian to help communities engaged in the provision of homestay (homestay). However, in 2005 the Jabatan Pertanian has withdrawn from the joint venture due to the development of unfavorable homestay program. This study was conducted to identify the skills, knowledge, and involvement of the head, as well as identify whether there are differences between the skill levels of community training and skills training, to develop the program past in the village homestay Kangkar Merlimau. Sampling method used was purposive sampling, a situation in which researchers select samples based on experience and knowledge of the group to be studied alone. So for this study, samples taken nearly 81 residents who have been involved in the homestay program only. The study found that the mean score of the skills, knowledge, and involvement of the head is 2.99, 3.04, and 2.76, and it shows that all three levels are moderate. Through this study, there was a significant difference in the level of community skills training and skills training, except for the level of communication skills found no significant difference. Thus, the skills and community knowledge and involvement in the program, the head of the village homestay Kangkar Merlimau should be further improved.



KANDUNGAN

PENGESAHAN STATUS LAPORAN		
	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	7
	1.4 Tujuan kajian	8
	1.5 Objektif kajian	9
	1.6 Persoalan kajian	9
	1.7 Hipotesis kajian	10
	1.8 Skop kajian	10



1.9	Batasan kajian	11
1.10	Kepentingan kajian	11
1.11	Kerangka konsep	12
1.12	Definisi operasi	12
1.12.1	<i>Homestay</i>	9
1.12.2	Komuniti	13
1.12.3	Kemahiran	13
1.12.4	Komunikasi	14
1.12.5	Keusahawanan	14
1.12.6	Teknikal	15
1.12.7	Kraf tangan	15
1.12.8	Pengetahuan	15
1.12.9	Pelancongan	15
1.12.10	Populasi	16
1.12.11	Sampel	16
1.13	Rumusan	16
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Rancangan Malaysia Kesepuluh	18
2.3	Definisi pelancongan	19
2.4	Konsep Pelancongan	20
2.4.1	Pelancongan Massa	20
2.4.2	Pelancongan Alternatif	21
2.5	Pelancongan Berasaskan Komuniti (<i>Community Based Tourism</i>)	22



2.6	Sejarah pembangunan <i>homestay</i>	24
2.7	Objektif pembinaan <i>homestay</i>	24
2.9	Pembangunan <i>homestay</i>	25
2.10	. Kemahiran dan pengetahuan komuniti dalam pembangunan <i>homestay</i>	26
2.10.1	Kemahiran komunikasi	26
2.10.2	Kemahiran Keusahawanan	28
2.10.3	Kemahiran teknikal	30
2.10.4	Pengetahuan pengurusan	32
2.10.5	Pengetahuan pengurusan	34
2.10.6	Pengetahuan penyediaan makanan	35
2.10.6	Pengetahuan mempromosi	36
2.11	Peranan ketua	38
2.12	Rumusan	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	41
3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka bentuk kajian	41
3.3	Lokasi kajian	42
3.4	Kerangka operasi	43
3.5	Populasi dan persampelan	45
3.6	Instrumen kajian	45
3.6.1	Borang soal selidik	46
3.7	Kajian rintis	48
3.8	Pemboleh ubah kajian	48
3.8.1	Kesahan	49



3.8.2	Kebolehpercayaan	49
3.9	Kaedah pengumpulan data	49
3.10	Kaedah analisis data	50
3.11	Jangkaan dapatan kajian	51
3.12	Rumusan	52
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	53
4.1	Pengenalan	53
4.2	Analisis demografi	53
4.2.1	Analisis Jantina	54
4.2.2	Umur	54
4.2.3	Pekerjaan	56
4.2.4	Taraf perkahwinan	57
4.2.5	Tahap pendidikan	58
4.3	Analisis latihan kemahiran	59
4.3.1	Latihan komunikasi	59
4.3.2	Latihan keusahawanan	60
4.3.3	Latihan teknikal	61
4.3.4	Latihan menyediakan aktiviti	62
4.4	Dapatan persoalan kajian satu	63
4.5	Dapatan persoalan kajian dua	64
4.6	Dapatan persoalan kajian tiga	64
4.7	Pengujian hipotesis	66
4.7.1	Pengujian hipotesis bagi soalan keempat	66
4.7.2	Pengujian hipotesis bagi soalan kelima	67
4.7.3	Pengujian hipotesis bagi soalan keenam	68



4.7.4	Pengujian hipotesis bagi soalan ketujuh	69
4.8	Rumusan	70
BAB 5	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Perbincangan	72
5.2.1	Tahap kemahiran komuniti untuk membangunkan program <i>homestay</i> Kampung Kangkar Merlimau. Kesahan	72
5.2.2	Tahap penglibatan ketua untuk membangunkan program <i>homestay</i> Kampung Kangkar Merlimau.	74
5.2.3	Tahap penglibatan ketua untuk membangunkan program <i>homestay</i> Kampung Kangkar Merlimau.	76
5.2.4	Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran di antara komuniti yang pernah menjalani latihan kemahiran dan tidak menjalani latihan kemahiran	77
5.3	Cadangan	78
5.4	Kesimpulan	79
5.5	Penutup	80
	RUJUKAN	81
	LAMPIRAN	88



SENARAI JADUAL

2.1	Jadual statistik <i>homestay</i> sehingga 31 Disember 2011	25
3.1	Pemberatan skala Likert	47
3.2	Bahagian-bahagian soal selidik	47
3.3	Jenis item	47
3.4	Keputusan kebolehpercayaan soalan kajian.	48
3.5	Jadual tahap kecenderungan	50
3.6	Kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian	51
4.1	Kekerapan dan peratus bagi jantina	53
4.2	Kekerapan dan peratus bagi umur	54
4.3	Kekerapan dan peratus bagi pekerjaan	56
4.4	Kekerapan dan peratus bagi taraf perkahwinan	57
4.5	Kekerapan dan peratus bagi tahap pendidikan	58
4.6	Kekerapan dan peratus bagi komuniti yang menjalani latihan komunikasi	59
4.7	Kekerapan dan peratus bagi komuniti yang menjalani latihan keusahawanan	60
4.8	Kekerapan dan peratus bagi komuniti yang menjalani latihan teknikal	61
4.9	Kekerapan dan peratus bagi komuniti yang menjalani latihan menyediakan aktiviti	62
4.10	Item kajian bagi tahap kemahiran	63
4.11	Item kajian bagi tahap pengetahuan	64
4.12	Item kajian bagi tahap penglibatan ketua	65
4.13	Analisis perbezaan tahap kemahiran komunikasi	67
4.14	Analisis perbezaan tahap kemahiran keusahawanan	67
4.15	Analisis perbezaan tahap kemahiran teknikal	68
4.16	Analisis perbezaan tahap kemahiran menyediakan aktiviti	69



SENARAI RAJAH

1.1	Model Homestay Kangkar Merlimau Berdaya Saing	12
2.1	Langkah komuniti ke arah keusahawanan	29
2.2	Interaksi antara kepimpinan komuniti, pembinaan keupayaan masyarakat dan pembangunan pelancongan.	39
3.1	Kerangka kerja operasi	44
4.1	Carta bar bagi jantina	54
4.2	Carta bar bagi umur	55
4.3	Carta bar bagi pekerjaan	56
4.4	Carta bar bagi taraf perkahwinan	57
4.5	Carta bar bagi tahap pendidikan	58
4.6	Carta bar bagi komuniti yang menjalani latihan komunikasi	59
4.7	Carta Bar bagi komuniti yang menjalani latihan keusahawanan	60
4.8	Carta Bar bagi komuniti yang menjalani latihan teknikal	61
4.9	Carta Bar bagi komuniti yang menjalani latihan menyediakan aktiviti	62



SENARAI SINGKATAN

SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
Ho	-	Hipotesis <i>null</i>
INFRA	-	<i>Institute for Rural Advancement</i>
JKKK	-	Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
LCE	-	<i>Lower Certificate of Education</i>
MCE	-	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
RMK-10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-9	-	Rancangan Malaysia Kesembilan
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistic Package for Social Science (SPSS)</i>
UNESCO	-	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UNWTO	-	<i>World Tourism Organization</i>



PERPUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	BORANG SOAL SELIDIK	88
B	PENGESAHAN BORANG SOAL SELIDIK Carta	96
C	SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN	103
D	MAKLUMAT JABATAN BERKAITAN	107
E	CARTA GANTT PROJEK SARJANA	116
F	KEPUTUSAN ANALISIS DATA	118



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dari pembentangan Rancangan Malaysia Ke-10 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2010), Malaysia berada di kedudukan ke-16 dari segi pendapatan pelancongan dan menguasai hampir 2% daripada syer pasaran global pada tahun 2008. Industri pelancongan menggaji 1.7 juta pekerja atau hampir 16% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2008. Antara tahun 2006-2009, pendapatan industri pelancongan meningkat sebanyak 67.1% kepada RM53.4 bilion dan ketibaan pelancong meningkat sebanyak 43.6% kepada 23.6 juta orang. Di sebalik pencapaian ini, beberapa isu perlu ditangani termasuk keperluan membangun produk pelancongan yang menarik dan ikonik, menambah baik penyelenggaraan kawasan pelancongan sedia ada, dan melaksana promosi pelancongan berfokus. Dalam tempoh rancangan, sasaran adalah untuk memperbaiki kedudukan Malaysia supaya menjadi antara 10 negara teratas dari segi pendapatan pelancongan global dan meningkatkan sumbangan sektor sebanyak 2.1 kali ganda, seterusnya menyumbang RM115 bilion dari segi pendapatan pelancongan dan menyediakan 2 juta pekerjaan pada tahun 2015.

Pelancongan bukanlah sesuatu yang baru. Sejak dulu lagi sektor pelancongan telah menjadi nadi penggerak ekonomi beberapa buah negara. Dalam era globalisasi kini, banyak negara dunia berlumba-lumba memajukan industri pelancongan untuk tukaran wang asing yang lumayan. Malahan banyak juga negara yang menggalakkan pelancongan dalam negara untuk menjana pertumbuhan ekonomi di sekitar destinasi pelancongan. Dalam rangka membangunkan industri tersebut banyak kawasan yang mempunyai keunikan semula jadi dibuka dan dimajukan untuk tujuan pelancongan,



sama ada melalui evolusi ataupun dibuka dengan sengaja oleh pihak-pihak tertentu (Jahi, 2009).

Ketibaan pelancong di peringkat antarabangsa dan ketibaan pelancong domestik juga memainkan peranan penting dalam keseluruhan industri pelancongan (Norlida Hanim Mohd Salleh, 2011). Dalam membangunkan industri pelancongan haruslah menilai kemahuan dan keinginan para pelancong. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sarman (2007), keperluan pelancong di dalam pelancongan secara umumnya meliputi perbelanjaan penginapan, pengangkutan, makanan, rekreasi dan membeli-belah. Membeli-belah, merupakan komponen yang menjadi kemestian di dalam pelancongan.

Melihat kepada aspek penginapan pelancong, melalui Pelancongan Berasaskan Komuniti seperti yang diperkatakan oleh Jabil Mapjabil (2011), ia berkait rapat dengan program inap desa atau juga dikenali sebagai program *homestay*, yang mana pelancong yang datang ke suatu kawasan luar bandar dengan tujuan mengenal budaya dan menikmati keindahan alam semulajadi, akan tinggal bersama tuan rumah di sesuatu kawasan tersebut.

Proses pembangunan pelancongan juga haruslah melibatkan penduduk sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dari ulasan Ibrahim (2004) yang membincangkan hal industri pelancongan, bahawa penglibatan usahawan kecil amat penting dalam usaha membentuk kerjasama dan kesepaduan ke arah memajukan lagi industri ini. Di samping itu, pelaburan dalam sektor pelancongan ini sememangnya terbuka luas kepada sesiapa sahaja, terutamanya kepada mereka yang berkemampuan dari sumber kewangan dan berpengalaman dalam bidang berkenaan, dan juga para usahawan tempatan tidak terkecuali dipelawa dalam bidang berkenaan. Tambah lagi, pada pandangan Halimatun Saadiah Hashim (2010), anggota komuniti juga boleh mewujudkan struktur kerja dan tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu projek tentang pemuliharaan warisan di kampung atau kawasan mereka, contohnya projek inap desa (*homestay*).

Dalam membangunkan program-program Pelancongan Berasaskan Komuniti, iaitu antaranya seperti program *homestay* ini, sebenarnya ia akan membuka peluang kepada komuniti tempatan tersebut untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Michael (2011) menyatakan bahawa, selain daripada peluang pekerjaan dalam sektor industri, peluang perniagaan dari segi perkhidmatan dan jualan barangan semakin luas kerana ini berikutan daripada



permintaan pengunjung terhadap penawaran pasaran berasaskan makanan, kraf tangan dan juga penginapan. Ramai penduduk telah memperolehi keuntungan daripada jualan cenderamata, makanan ringan dan runcit yang dijual di gerai kampung serta perkhidmatan *homestay*. Keadaan ini menunjukkan pengaruh industri pelancongan terhadap pendapatan individu mahupun isi rumah dan sekaligus meningkatkan kemampuan kuasa beli dan pemilikan aset.

Menurut Othman (2010) yang mendefinisikan tentang konsep *homestay* ini adalah, ia merujuk kepada sebuah kawasan perkampungan yang terpencil atau jauh dari pusat bandar yang telah dijadikan sebagai tempat atau pusat tumpuan pelancong berikutan wujudnya ciri-ciri menarik seperti suasana yang damai dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Melalui konsep *homestay* tersebut, pelancong bukan sahaja merasai sendiri budaya kampung tersebut malahan sepanjang percutian mereka, pelancong juga akan melawat keindahan landskap di kawasan tersebut dan semestinya akan mendapat suatu pengalaman baru apabila bercampur gaul dengan masyarakat di kawasan tersebut.

Dalam konteks Malaysia, aktiviti pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting dan menjadi penyumbang pendapatan utama dalam sektor perkhidmatan. Pelbagai kaedah pemasaran dan promosi yang dijalankan bagi menggiatkan kedatangan pelancong ke negara ini, antaranya melalui program *homestay* yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelancong (Jabil Mapjabil, 2011). Pengusaha *homestay* juga mengambil inisiatif dan peluang dengan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur bagi tujuan keselesaan pelancong.

1.2 Latar belakang masalah

Di Malaysia, sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi negara selepas sektor pembuatan. Pada tahun 2009, bilangan pelancongan mencatatkan 23.65 juta dan industri pelancongan telah menyumbangkan sebanyak RM53.4 bilion (USD15.70 bilion) dalam pendapatan negara. Sebahagian dari pendapatan itu telah disumbangkan oleh program *homestay* iaitu sebanyak RM10.9 juta terdiri daripada 130,038 pelancong domestik dan 31,523 pelancong asing (Yusnita Binti Yusof, 2012).

Statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) dari *Macroeconomic* (2010) menyatakan bahawa ketibaan

pelancong ke Malaysia dari tahun 1990 hingga tahun 2009 telah meningkat dari 7.4 juta orang kepada 24 juta orang pelancong yang tiba di Malaysia. Dari pengiraan kewangan pula telah berkembang dari RM 30 bilion pada tahun 2004 kepada RM 53 bilion pada tahun 2009. Melalui RMK 10 menjelang tahun 2015, Malaysia mensasarkan kedudukan 10 teratas dalam industri pelancongan, seterusnya menyumbang pendapatan pelancongan sebanyak RM 115 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 2 juta orang. Ini dapat dilihat Malaysia sudah lama ditekankan dalam pembangunan pelancongan. Penekanan tersebut harus diberikan sama ada kepada sektor pelancongan bandar mahupun pelancongan luar bandar. Dalam kajian ini, pengkaji melihat kepada pelancongan luar bandar, dan ianya melibatkan *homestay*.

Melihat kepada konteks Pelancongan Desa atau juga dikenali sebagai Pelancongan Luar Bandar seperti yang dinyatakan oleh Lendrum (2003) melalui teorinya menyatakan bahawa, manusia atau komuniti tempatan adalah salah satu daripada set Model Usahasama Strategik dalam industri pelancongan. Melalui kajian Kayat (2006), yang menjalankan kajian terhadap Program *Homestay* di Kedah merumuskan bahawa, Program *homestay* adalah salah satu Program Pelancongan Desa dan ia memerlukan penyertaan, sokongan, dan kesediaan ahli-ahli komuniti bagi memastikan Program *Homestay* dapat dikekalkan. Selain itu menurut Kayat (2006) juga, penduduk perlu diberi peluang untuk melibatkan diri dalam pembangunan komuniti luar bandar, kerana projek berasaskan komuniti seperti Program *Homestay* sukar beroperasi secara optimum sekiranya tanpa penglibatan masyarakat desa di sekelilingnya.

Memalui kajian yang terdahulu ada mendedahkan kekangan yang dihadapi penduduk dalam proses menyertai pembangunan pelancongan di negara-negara membangun. Kekangan tersebut Timothy (1999) menjelaskan, iaitu perkara yang berkaitan dengan kurangnya kemahiran dan pengetahuan di kalangan peserta dalam perancangan pelancongan. Kayat (2006) menyatakan bahawa, program-program untuk memberi kesedaran kepada komuniti tentang perlunya melibatkan diri dalam pembangunan komuniti luar bandar perlu diberikan, kerana ini mungkin memerlukan ahli-ahli komuniti mempelajari jenis kemahiran yang diperlukan untuk penglibatan mereka.

Bagi membolehkan masyarakat tempatan mengadaptasi dan mengambil bahagian dalam pembangunan pelancongan luar bandar, kemahiran dan ilmu

pengetahuan adalah suatu keperluan kritikal selain daripada modal fizikal (Dambul, 2008). Pengetahuan dan kemahiran penduduk dalam membangunkan komuniti luar bandar boleh diasah dengan penglibatan mereka dalam sesuatu pembangunan tersebut (Sulehan, 2008). Jabil Mapjabil (2011) menyatakan bahawa Program *Homestay* adalah salah satu strategi pembangunan luar bandar.

Oleh itu, antra kemahiran yang perlu ada kepada komuniti luar bandar dalam membangunkan Program *Homestay* adalah komunikasi. Menurut Adam (2009) menyatakan, kemahiran komunikasi yang baik dapat memudahkan urusan memandu pelancong serta dapat melayan tetamu dengan mesra dan berbudi pekerti. Menurut Adam (2009) juga, kaedah komunikasi yang baik amat penting dalam mempertingkatkan identiti seseorang pemandu pelancong.

Antara kemahiran lain yang diperlukan bagi penduduk terlibat dalam Program *Homestay*, Talib (2012) menekankan tentang keusahawanan. Beliau merumuskan bahawa pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan akan memberikan impak yang besar sekali gus mampu membawa perubahan terhadap aspek sosioekonomi dan fizikal komuniti tempatan ke arah yang lebih mampan. Selain daripada itu, kemahiran tentang pengurusan kewangan dalam membangunkan program-program pembangunan luar bandar juga perlu seperti yang dinyatakan oleh Nurulhuda (2009).

Di samping itu, Kroon (1997) menyatakan melalui keterangan Hamzah Jusoh (2009) bahawa, selain daripada kemahiran keusahawanan, kemahiran teknikal juga perlu diberi tumpuan kepada penduduk dalam pembangunan luar bandar seperti program *homestay*. Melalui keterangan Hamzah Jusoh (2009) juga, bantuan teknikal sering diberikan oleh pihak kerajaan kepada komuniti luar bandar dalam membangunkan kemajuannya. Kemahiran teknikal adalah pelaksanaan sesuatu kerja atau berkaitan dengan sesuatu bidang pengetahuan yang tertentu (Dewan Bahasa, 1993). Antara jenis-jenis kemahiran teknikal yang perlu dikuasai oleh anak muda tempatan adalah seperti kemahiran pertukangan, pendawaian elektrik, dan perpaipan (Shamsul Azree, 2012). Latihan kemahiran pula untuk menyerlahkan keupayaan menggunakan pengetahuan atau kemahiran dalam disiplin tertentu untuk mencapai matlamat utama dalam pembangunan luar bandar (Hamzah Jusoh, 2009).

Selain itu, kemahiran menyediakan aktiviti dalam program *homestay* juga adalah perkara yang penting. Menurut Othman (2010), aktiviti-aktiviti dalam pelancongan luar bandar akan memberi peluang kepada pelancong untuk merasai



keseronokan mempelajari, melawat dan menemui sesuatu yang baru yang berasaskan alam semula jadi. Komuniti tempatan harus berkemahiran dalam menyediakan aktiviti dalam pelancongan. Walaupun terdapat pertolongan dari pihak luar, namun idea tentang projek tersebut tercetus daripada komuniti itu sendiri dan keseluruhan aktiviti pelancongan adalah di bawah kawalan komuniti itu sendiri (Kayat, 2006).

Pengetahuan tentang penyediaan makan juga adalah perkara yang penting. Di dalam kajian Jabil Mapjabil (2011), menunjukkan perkara berkaitan dengan makanan boleh menjadi antara tarikan pelancong, sama ada memperkenalkan makanan tradisional dan juga penyediaan makanan kepada pelancong. Pengetahuan tentang garis panduan penyediaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia harus diikuti oleh komuniti yang terlibat dalam Program *Homestay*.

Pengetahuan tentang pengurusan *homestay* juga adalah antara komponen penting kepada komuniti dalam membangunkan program tersebut. Pengurusan dalam program *homestay* adalah untuk mengawal dari segi Jadual aktiviti atau lawatan kepada pelancong, makanan kepada pelancong, agihan kerja dan juga agihan pendapatan kepada peserta program *homestay* (Kayat, 2006). Menurut Institut Kemajuan Desa (2012), para peserta dalam program *homestay* mesti mempunyai pengetahuan tentang garis panduan pengurusan *homestay* seperti yang telah digariskan, iaitu berkenaan dengan lokasi rumah yang sesuai, kemudahan asas dalam rumah, dan kebersihan.

Program *homestay* bukan sahaja melibatkan pengusaha dan penduduk dalam program tersebut tetapi berkait dengan budaya, cara hidup masyarakat setempat dan mempromosikan kawasan tarikan yang berdekatan *homestay* tersebut (Jabil Mapjabil, 2011). Berkenaan dengan pengetahuan untuk mempromosi program *homestay* adalah perlu untuk penduduk yang terlibat dalam program-program pembangunan luar bandar. Strategi promosi boleh dilakukan melalui pengusaha, keluarga angkat dan penduduk kampung (Jabil Mapjabil, 2011). Menurut Jabil Mapjabil (2011) juga pelbagai kaedah pemasaran dan promosi yang dijalankan bagi menggiatkan kedatangan pelancong ke negara ini, antaranya melalui program *homestay* yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelancong.

Kepentingan ketua untuk memimpin program *homestay* juga adalah perlu. Melalui kajian yang dijalankan oleh Ngece (2002) tentang eko-pelancongan berasaskan komuniti iaitu yang berkaitan dengan pelancongan luar bandar mendapati bahawa pemimpin-pemimpin yang berpotensi atau berkecayaan haruslah dipilih bagi



memandu komuniti-komuniti yang lain untuk melibatkan diri dalam industri tersebut bagi menjamin kejayaan eko-pelancongan berasaskan komuniti.

Kampung Kangkar Merlimau pernah diwartakan sebagai kawasan Pelancongan Agro sebelum ini oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor pada tahun 1993 (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor, 2007). Pembangunan pelancongan tersebut telah mendapat kerjasama dari Jabatan Pertanian untuk membantu komuniti yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan inap desa (*homestay*). Walaubagaimanapun, melihat kepada dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian 2005, *homestay* yang dijalankan di Kampung Kangkar Merlimau tersebut dilihat tidak memberangsangkan, kerana tiada kadar keuntungan yang diperolehi sama ada bagi pihak Jabatan Pertanian sendiri mahupun penduduk kampung.

1.3 Penyataan masalah

Melihat kepada hasil keuntungan *homestay* di Kampung Kangkar Merlimau pada tahun 2005 dari bulan Januari hingga Disember adalah kosong. Maklumat ini adalah dari Maklumat Hasil Kampung-kampung Agrotourism di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Batu Pahat tahun 2005. Hasil dari maklumat kewangan yang dikeluarkan, ini jelas kelihatan bahawa sambutan pelancong yang hadir tidak megalakkan atau langsung tiada kehadiran pelancong. Lantaran itu, Jabatan Pertanian Batu Pahat telah menarik diri dari bekerjasama untuk membangunkan program *homestay* di kampung tersebut. Selain itu, penyelidik difahamkan oleh Jabatan Pertanian Batu Pahat bahawa terdapat peserta yang tidak menjalani latihan kemahiran dalam membangunkan program *homestay* di kawasan mereka.

Melihat kepada kajian Koharuddin (2007) menegaskan bahawa, dalam membangunkan pembangunan projek luar bandar seperti program *homestay*, peserta perlu memiliki pengetahuan yang betul dan tepat termasuklah pendekatan saintifik bagi melaksanakan projek yang dirancang. Melalui kajian Dambul (2008) mendapati bahawa, kegagalan pelancongan di Kundasang Sabah antaranya adalah disebabkan oleh kelemahan pengetahuan komuniti untuk membangunkan program-program pelancongan. Selain itu, dari kajian lain yang dijalankan oleh Dambul (2008) dengan menggunakan Pendekatan Positivisme di Kundasang Sabah juga, mendapati kegagalan pelancongan tersebut disebabkan oleh kurangnya kemahiran terhadap



penduduk di kawasan tersebut. Di samping itu juga, Emby (2009) menegaskan bahawa sesuatu organisasi dalam mengusahakan sektor pelancongan desa haruslah mempunyai seorang ketua yang aktif, dinamik dan mampu untuk mengambil inisiatif dalam memajukan pembangunan yang dirancang.

Program *homestay* ialah pelancongan berasaskan komuniti yang menawarkan kepada pelancong pengalaman alam semula jadi dan gaya hidup desa tempatan. Ianya merupakan program yang semakin menarik minat dan perhatian (Jabil Mapjabil, 2011). Program *homestay* di Malaysia yang berasaskan komuniti adalah antara program pelancongan yang berpotensi untuk mencapai objektif pembangunan lestari sekiranya dirancang dengan baik (Kayat, 2006). Melalui bacaan penyelidikan, ada berberapa komponen penting yang menyokong kepada pembangunan program *homestay*, iaitu kemahiran penduduk, pengetahuan penduduk, dan pemimpin yang berkeelayakan. Berbalik kepada permasalahan ketiadaan pelancong di *homestay* Kampung Kangkar Merlimau, penyelidik ingin mengkaji apakah tahap elemen-elemen seperti yang dinyatakan terhadap komuniti, dan adakah ia menjadi punca kepada kegagalan program *homestay* di kawasan tersebut. Hasil dapatan kajian nanti, diharap akan dapat melahirkan suatu strategi baru untuk membangunkan semula program *homestay* di kawasan tersebut.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pengetahuan, kemahiran, dan penglibatan ketua, yang pernah terlibat dalam pembangunan program *homestay*. Di samping itu, pengkaji ingin mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran antara penduduk yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran, semasa mereka terlibat dalam pembangunan program *homestay* yang lalu. Kajian dilakukan disebabkan program *homestay* di kawasan tersebut gagal beroperasi. Walhal, pada sebelum ini Kampung Kangkar Merlimau pernah diwartakan sebagai Pelancongan Agro, dan sepatutnya boleh menerima kunjungan pelancong melalui program *homestay*, tetapi sehingga kini ianya tidak aktif. Melalui bacaan penyelidikan mendapati bahawa, elemen-elemen seperti pengetahuan, kemahiran, dan penglibatan ketua dalam menjayakan program *homestay* ini adalah perkara yang penting. Oleh itu, hasil daripada kajian ini nanti diharap dapat digunakan untuk merencana strategi baru pembangunan semula program *homestay* di

kawasan tersebut. Pada pandangan penyelidik, strategi baru ini perlu dilakukan demi menyumbang kepada RMK-10 yang menasaskan bahawa Malaysia perlu berada di tangga ke sepuluh sekurang-kurangnya dalam industri pelancongan menjelang tahun 2015.

1.5 Objektif kajian

- I. Mengenal pasti tahap kemahiran komuniti yang pernah terlibat untuk membangunkan program *homestay* Kampung Kangkar Merlimau.
- II. Mengenal pasti tahap pengetahuan komuniti Kampung Kangkar Merlimau yang pernah terlibat dalam program *homestay*.
- III. Mengenal pasti tahap penglibatan ketua yang pernah mengetuai komuniti Kampung Kangkar Merlimau dalam pembangunan program *homestay*.
- IV. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran diantara komuniti yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran.

1.6 Persoalan kajian

- I. Apakah tahap kemahiran komuniti yang pernah terlibat untuk membangunkan program *homestay* Kampung Kangkar Merlimau.
- II. Apakah tahap pengetahuan komuniti Kampung Kangkar Merlimau yang pernah terlibat dalam program *homestay*.
- III. Apakah tahap penglibatan ketua yang pernah mengetuai komuniti Kampung Kangkar Merlimau dalam pembangunan program *homestay*.
- IV. Apakah terdapat perbezaan tahap kemahiran komunikasi diantara komuniti yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran komunikasi?
- V. Apakah terdapat perbezaan tahap kemahiran keusahawanan diantara komuniti yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran keusahawanan?
- VI. Apakah terdapat perbezaan tahap kemahiran teknikal diantara komuniti yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran teknikal?



- VII. Apakah terdapat perbezaan tahap kemahiran menyediakan aktiviti diantara komuniti yang pernah menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran menyediakan aktiviti?

1.7 Hipotesis kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa hipotesis;

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penduduk yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran komunikasi terhadap tahap kemahiran komunikasi penduduk yang terlibat dalam program *homestay*.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penduduk yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran keusahawanan terhadap tahap kemahiran keusahawanan penduduk yang terlibat dalam program *homestay*.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penduduk yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran teknikal terhadap tahap kemahiran teknikal penduduk yang terlibat dalam program *homestay*.

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penduduk yang menjalani latihan dan tidak menjalani latihan kemahiran menyediakan aktiviti terhadap tahap kemahiran menyediakan aktiviti oleh penduduk yang terlibat dalam program *homestay*.

1.8 Skop kajian

Skop kajian adalah tertumpu kepada penduduk yang pernah terlibat dalam pembangunan program *homestay* di Kampung Kangkar Merlimau Parit Sulong, Batu Pahat, Johor. Pemilihan kawasan kajian adalah menepati dengan apa yang hendak dikaji berdasarkan objektif kajian di samping terdapat populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian untuk menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik akan menumpukan kepada komuniti yang berlainan jantina, berlainan pekerjaan, dan berlainan peringkat umur.

1.9 Batasan kajian

Batasan kajian pengkaji adalah, pengkaji tidak mempunyai pengalaman dalam membuat kajian terutamanya dalam bidang sains sosial. Pengkaji mengalami masalah-masalah semasa membuat kajian. Oleh itu pengkaji membuat kajian hanya dengan mengikut prosedur-prosedur yang tertentu yang telah digariskan untuk dijadikan panduan untuk pengkaji. Kejujuran responden juga merupakan salah satu batasan kajian yang dianggap penting. Hal ini adalah kerana kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada soal selidik yang diberikan kepada responden. Pengkaji juga mengambil kira faktor masa sebagai batasan kajian. Pengkaji mengalami masalah kekangan masa semasa menjalankan kajian ini kerana kajian ini memerlukan pengkaji mencari maklumat dari pembacaan, Jabatan Pertanian Batu Pahat, dan penduduk yang terlibat dalam kajian.


1.10 Kepentingan kajian

Hasil temu bual dengan Jabatan Pertanian Batu Pahat yang terlibat dalam membimbing komuniti Kampung Kangkar Merlimau dalam Pelancongan Agro dan pembangunan *homestay*, mendapati bahawa kampung tersebut telah lama digazet sebagai kawasan Pelancongan Agro oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor. Walau bagaimanapun, melalui rekod Jabatan Pertanian yang melihat kepada keberhasilan atau keuntungan hasil dari Pelancongan Agro yang dijalankan di Kampung Kangkar Merlimau dilihat tiada memberikan hasil, dan sehingga tahun 2005 yang lepas akaun keuntungannya adalah kosong, lantaran itu juga pada tahun 2005, Jabatan Pertanian Batu Pahat telah menghentikan perkhidmatan bimbingan kepada komuniti kampung tersebut dalam hal yang berkaitan dengan Pelancongan Agro dan juga tidak memberi khidmat memberi khidmat nasihat dalam pembangunan *homestay*. Kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada strategi baru pembangunan *homestay* di Kampung Kangkar Merlimau, ini kerana dengan mengenal pasti tahap kemahiran, pengetahuan, dan penglibatan ketua yang terlibat maka, diharap faktor tersebut boleh diperbaiki, bagi menghasilkan suatu strategi baru.



1.11 Kerangka konsep

Kerangka konsep yang terdapat pada Rajah 1.1 adalah suatu kerangka yang digunakan untuk menerangkan secara menyeluruh tentang tajuk kajian yang bakal dijalankan. Melalui kerangka konsep ini, pembaca akan mudah mengetahui secara sepintas lalu berkenaan perkara yang ingin dibincangkan. Pengkaji mengadaptasi model yang dibangunkan oleh Ford dan Weissbein(1997) tentang *transfer of Training* yang telah diadaptasikan menjadi suatu model baru iaitu Model *Homestay Berdaya Saing*.



Rajah 1.1: Model *Homestay* Kangkar Merlimau Berdaya Saing

1.12 Definisi operasi

Definisi istilah adalah berhubung dengan istilah-istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Istilah ini mungkin mempunyai perbezaan dengan penulis-penulis lain. Bagi mengelakkan kekeliruan istilah, beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan maksudnya dan huraianya seperti berikut.

1.12.1 Homestay

Konsep Program Tinggal Bersama atau "*Homestay Programme*" adalah satu bentuk kemudahan tempat tinggal yang baru untuk pelancong. Di bawah program ini, pelancong akan dapat tinggal bersama keluarga tuan rumah yang terpilih dan seterusnya berpeluang mengecap cara hidup seharian keluarga berkenaan serta kebudayaan Malaysia secara langsung. Melalui cara ini, pelancong akan mendapat pengalaman dan berinteraksi secara terus dengan cara hidup dan kebudayaan rakyat Malaysia. *Homestay* merupakan di antara cabang-cabang pelancongan desa yang dapat memperkenalkan aktiviti sukan, permainan dan kebudayaan tradisional masyarakat Malaysia (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 2009)

Definisi *homestay* melalui kajian ini adalah rumah atau bilik yang di inap oleh pelancong yang datang untuk melancong ke Kampung Kangkar Merlimau. Rumah atau bilik yang disediakan oleh penduduk juga lengkap dengan kemudahan asas seperti tempat tidur dan bilik air.

1.12.2 Komuniti

Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (2008) komuniti bermaksud kelompok manusia, umat manusia, kelompok manusia, bangsa, kaum, suku, puak, kelompok etnik, ras, orang ramai, penduduk tempatan dan mujtamak.

Dalam kajian yang dijalankan, komuniti adalah ditafsirkan sebagai penduduk tempatan yang tinggal di Kampung Kangkar Merlimau, yang mana mereka ini akan terlibat dalam kaji selidik yang akan dijalankan.

1.12.3 Kemahiran

Menurut Jusoh (2007), kemahiran bermaksud kemampuan untuk mencapai dengan jayanya sesuatu yang mana memerlukan pengetahuan yang khusus atau kebolehan atau kecekapan.

Melalui kajian ini, penyelidik mendefinisikan kemahiran sebagai kebolehan penduduk Kampung Kangkar Merlimau melaksanakan tugas-tugas untuk membangunkan program *homestay*. Kemahiran-kemahiran yang dikaji ialah



kemahiran komunikasi, teknikal, keusahawanan, menyediakan makanan dan membuat kraf tangan.

1.12.4 Komunikasi

Komunikasi bermaksud Proses interaksi antara manusia, di mana orang ramai bertutur dan bertukar-tukar pendapat, gerak, isyarat atau simbol, dengan tujuan untuk memberi dan bertukar-tukar maklumat atau mengubah keadaan fizikal atau mental mereka (Ahmad Anuar, 2008).

Istilah komunikasi dalam kajian ini mendefinisikan sebagai kemahiran bertutur penduduk Kampung Kangkar Merlimau dengan pelancong yang hadir ke kampung mereka. Kemahiran bertutur dengan pelancong adalah dari segi boleh memberi tunjuk arah, mempromosikan produk program *homestay* kepada pelancong dan boleh bertutur dengan orang yang tidak dikenali dengan sopan.

1.12.5 Keusahawanan

keusahawanan adalah suatu proses dinamik untuk mencipta kekayaan. Kekayaan dicipta oleh individu yang menanggung risiko besar di dalam 'equity', masa dan komitmen kerjaya atau menyediakan nilai untuk sesuatu produk atau perkhidmatan (Dingsu, 2007).

Melalui kajian ini, keusahawanan adalah kemahiran komuniti Kampung Kangkar Merlimau untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan program *homestay*. Selain itu juga, ia melibatkan kemahiran komuniti kampung tersebut untuk menguruskan perkara yang berkaitan dengan kewangan.

1.12.6 Teknikal

Teknikal bermaksud pengetahuan dan kepandaian membuat sesuatu yang berkenaan dengan hasil industri atau cara membuat atau melakukan sesuatu yang berhubungan dengan seni atau juga metode atau sistem mengerjakan sesuatu (Kamus Definisi, 2009).

Teknikal dalam kajian ini didefinisikan sebagai suatu kemahiran yang dimiliki oleh penduduk Kampung Kangkar Merlimau untuk menyelenggara rumah

inap yang disediakan kepada para pelancong. Kemahiran teknikal yang dikaji dalam kajian ini adalah kemahiran bertukang dan membuat kraf tangan.

1.12.7 Kraf tangan

Menurut Nadinar (2011), kraf tangan ialah kerja penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja. Pertukangan kraf tangan seharusnya dikerjakan secara perseorangan atau kecil-kecilan. Hasil kraf tangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan dan atau keagamaan. Hasil pengeluaran besar-besaran atau hasil kejenteraan bukan bersifat kraf tangan.

Dalam kajian ini, kraf tangan adalah suatu kemahiran komuniti untuk menghasilkan sesuatu produk cenderamata untuk dijual kepada pelancong sebagai kenangan. Kemahiran kraf tangan ini dilihat dari segi mengukir, menyulam dan mengimpal.

1.12.8 Pengetahuan

Pengetahuan adalah berbagai gejala yang ditemui dan diperoleh manusia melalui pengamatan inderawi dan juga pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan indera atau akal budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya (Citra Ayya, 2012).

Pengetahuan melalui kajian ini didefinisikan sebagai ilmu yang sedia ada pada komuniti Kampung Kangkar Merlimau tentang pengurusan *homestay*, keusahawanan dan mempromosikan program *homestay* di kawasan komuniti tersebut.

1.12.9 Pelancongan

Pelancongan adalah suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih, elemen ekonomi iaitu industri pelancongan dan elemen dinamik iaitu terdiri daripada



individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih kurang satu hari (Dyeall, 2004).

Pelancongan dalam kajian ini adalah tentang sesuatu industri yang diusahakan oleh komuniti tempatan untuk menarik minat orang luar hadir ke kawasan mereka dengan tujuan mengenali gaya kehidupan komuniti kampung tersebut.

1.12.10 Populasi

Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), populasi bermaksud jumlah semua orang yg mendiami sesuatu tempat atau juga kumpulan individu sesuatu spesies (haiwan dan tumbuhan) yg terdapat di sesuatu kawasan geografi atau habitat tertentu.

Populasi dalam kajian ini dimaksudkan sebagai penduduk Kampung Kangkar Merlimau yang terlibat dalam pembangunan *homestay*.

1.12.11 Sampel

Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), sampel adalah bahagian bilangan, kumpulan, dan sebagainya yang kecil yang mewakili bahagian yang jauh lebih besar biasanya dijadikan contoh untuk penelitian, kajian, dan sebagainya.

Dalam kajian ini sampel adalah diambil daripada jumlah penduduk Kampung Kangkar Merlimau yang terlibat dalam pembangunan *homestay*. Jumlah sampel yang diambil daripada populasi dalam kajian ini adalah sama nilainya.

1.13 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan mengenai permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, batasan kajian, dan kerangka konsep yang digunakan dan definisi istilah yang digunakan dalam persoalan kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Menurut Salleh (2010), pada peringkat awal, pembangunan industri pelancongan adalah tertumpu di Eropah dan Amerika Utara. Dengan sejarah keterlibatan yang lama dalam sektor ini, menyebabkan kawasan ini menjadi pasaran pelancongan yang kukuh dan terkenal di peringkat global pada hari ini. Sumbangan sektor pelancongan kepada negara ini telah merangsang negara baru khususnya negara membangun untuk turut memajukan industri pelancongan. Ini menjadikan industri pelancongan semakin berkembang dalam tempoh dua dekad yang lalu dan muncul sebagai antara industri yang penting dan penyumbang utama kepada ekonomi negara membangun, terutama dari segi pendapatan eksport.

Pembangunan industri pelancongan di Malaysia kini mencapai tahap yang dapat dibanggakan. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan prestasi industri pelancongan. Terdapat lima faedah utama yang diperolehi daripada pembangunan industri pelancongan, iaitu, sumbangan kepada imbangan pembayaran negara, pembangunan kawasan bukan perindustrian, mengujudkan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan kepada keseluruhan ekonomi menerusi impak pengganda, dan pembangunan sosial (Nor, 1989).

Melalui ulasan Hanim (2007), yang mengulas tentang RMK 9 berkenaan industri pelancongan, beliau menyatakan bahawa dalam jangka masa dua dekad yang lalu industri pelancongan Malaysia mengalami pembangunan yang pesat. Dalam tempoh ini jumlah ketibaan pelancong meningkat pada kadar purata 8% setahun iaitu daripada 3,109,106 kepada 15,703,406 pelancong antara tahun 1985 hingga 2004. Bagi jangka masa yang sama, hasil pelancongan Negara telah meningkat daripada RM1,543.1 juta kepada RM29,651.4 juta menyamai pertumbuhan purata 16%

setahun. Berdasarkan prestasi yang memberangsangkan dan berjaya menjadi antara industri penting dalam menjana pendapatan mata wang asing negara, industri pelancongan turut mendapat perhatian yang khusus dalam RMK-9. Sealiran dengan arus pertumbuhan industri pelancongan dunia yang dianggarkan menghasilkan ketibaan pelancong mencecah 1.0 bilion pada tahun 2010, Malaysia turut menganggarkan sejumlah 24.6 juta ketibaan pelancong pada tahun tersebut. Jumlah pendapatan dijangka meningkat secara purata kepada 13.9% setahun iaitu kepada RM59.4 bilion.

2.2 Rancangan Malaysia Kesepuluh

Melalui kertas kerja yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2010), bagi mencapai sasaran tahun 2015, tumpuan akan diberikan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja tinggi dan memperluas pasaran daripada negara yang mempunyai pertumbuhan tinggi, terutamanya Rusia, India, China dan Timur Tengah, di samping meningkatkan bilangan ketibaan pelancong. Bagi tujuan ini, strategi utama yang akan dilaksanakan adalah:

- i. Menggalak pendekatan strategi berbeza bagi memenuhi corak dan keperluan pelancong yang unik dan tersendiri seperti cabaran alam semula jadi (termasuk ekopelancongan), kepelbagaian budaya, keriangannya keluarga, kemewahan mampu biaya, dan persidangan, insentif, konvensyen dan pameran.
- ii. Menambah baik produk pelancongan melalui pembangunan kluster pelancongan berfokus yang akan memanfaatkan produk pelancongan sedia ada dan produk pelancongan ikonik baru. Contohnya, Langkawi (Geopark dan Taman Laut Pulau Payar), Pulau Pinang (Bandaraya George Town Tapak Warisan Dunia), Sabah (Pulau Sipadan dan Taman Kinabalu Tapak Warisan Dunia) dan Sarawak (Kampung Budaya Sarawak dan Taman Negara Gunung Mulu Tapak Warisan Dunia UNESCO).

- iv. Membangunkan produk pelancongan ikonik yang baru melalui penglibatan sektor swasta dan kerjasama awam-swasta. Antara projek ikonik tersebut adalah Kidzania dan Malaysia Truly Asia Centre di Kuala Lumpur dan Legoland Malaysia di Iskandar Malaysia, Johor. Produk dan aktiviti pelancongan seperti taman dan kebun bunga, pelancongan seni, membeli-belah, serta acara dan festival utama juga akan dipromosikan.
- v. Menambah baik penyelenggaraan tempat pelancongan melalui pelbagai pendekatan, termasuk melalui penajaan NGO dan korporat, penguatkuasaan yang lebih ketat dan pengenaan bayaran masuk, terutamanya di kawasan alam sekitar yang sensitif dan tapak warisan.
- vi. Menjajar semula aktiviti promosi dan pengiklanan serta kewujudan pejabat Tourism Malaysia di luar negara dengan memberi tumpuan kepada pasaran utama khususnya Rusia, India, China dan Timur Tengah.
- vii. Memperkenalkan persijilan produk dan aktiviti pelancongan secara progresif bagi memastikan kualiti, kemampanan dan keselamatan.

2.3 Definisi pelancongan

Pelancongan mempunyai pelbagai definisi yang membawa maksud namun mempunyai tujuan dan objektif yang sama iaitu berada di sesuatu tempat yang melibatkan pergerakan atau perjalanan ke sesuatu tempat tersebut dengan tujuan melihat alam semula jadi, berekreasi, berehat, bercuti, urusan pekerjaan atau motif yang lain . Pelancong yang melawat terdiri daripada pelancong tempatan atau domestik dan pelancong asing. Bagaimanapun, pelancong tempatan atau domestik boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengunjung harian atau pelancong domestik yang menetap di sesuatu kawasan pelancongan melebihi 24 jam (Jabil Mapjabil, 2011).

2.4 Konsep pelancongan

Di Malaysia industri pelancongan mula muncul pada akhir tahun 1960. Industri pelancongan tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang utama sehingga ke tahun 1970 kerana pada masa itu, sumbangan komoditi utama seperti getah dan bijih timah adalah jauh lebih penting. Pada tahun 1970, kerajaan Malaysia mula membangunkan industri pelancongan untuk memenuhi beberapa objektif seperti peningkatan pendapatan dalam pertukaran mata wang asing, meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan, menggalakkan pembangunan kawasan, mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan hasil kerajaan (Amran Hamzah, 2004). Secara umumnya konsep pelancongan boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu ;

- i. Pelancongan Massa
- ii. Pelancongan Alternatif

2.4.1 Pelancongan Massa

Ahli Sejarah menyatakan bahawa Pelancongan Massa bermula di England semasa revolusi industri dengan kenaikan kelas menengah dan pengangkutan yang agak murah. Penciptaan industri penerbangan komersial selepas Perang Dunia II dan kemudian pembentukan pesawat jet pada tahun 1950-an menandakan pertumbuhan pesat dan perkembangan perjalanan antarabangsa. Pertumbuhan ini membawa kepada pembangunan industri pelancongan baru yang utama. Pula, pelancongan antarabangsa menjadi kebimbangan beberapa kerajaan dunia kerana ia bukan sahaja menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru, tetapi ia juga menghasilkan satu cara pendapatan pertukaran asing (Theobald, 2005).

Menurut Hiong (2007), Pelancongan Massa (*mass tourism*) merupakan aktiviti berintensif dan beroperasi pada tahap yang diterima umum telah menarik jumlah pelancong yang besar ke tumpuan destinasi-destinasi tertentu. Jika tidak dikawal, pelancongan massa akan meningkatkan tekanan dan mempercepatkan kadar kemusnahan alam persekitaran kerana pelancongan massa hanya memberi tumpuan dalam mempromosikan dan membangunkan destinasi pelancongan tanpa mengambil kira tentang penjagaan alam sekitar. Pelancongan Massa juga boleh dikenali sebagai



PTTA UTHM
REPUTASIKAN TOKTOK AMINAH

pelancongan yang moden kerana kawasan-kawasan yang terlibat lebih tertumpu kepada kawasan Bandar dan bukannya pada kawasan luar Bandar.

Bagi pandangan Andreas Hauser (2009), pula pelancongan massa boleh ditakrifkan kepada tiga dasar, yang pertama adalah kuantiti orang yang hadir pada sesuatu tempat itu semata-mata adalah bertujuan untuk melancong. Kedua pula adalah melihat kepada keamatan atau penghayatan pelancong dengan keadaan persekitaran yang dilawati oleh pelancong. Bagi yang ketiga pula adalah sifat yang sementara atau kekal kesan impak yang berlaku berhubung kepada tapak atau 'keupayaan daya tampung' destinasi, yang mentakrifkan had penggunaan sumber-sumber sosial, ekologi dan ekonomi.

2.4.2 Pelancongan Alternatif

Menurut Mitchell (2001), Pelancongan Alternatif tidak boleh ditakrifkan sebagai pelancongan massa. Di bawah konsep Pelancongan Alternatif, ianya boleh mencari satu siri klasifikasi dan jenis pelancongan. Apa yang mencirikan konsep "Alternatif" adalah kewujudan syarikat-syarikat kecil atau sederhana, yang dicipta oleh keluarga atau kawan-kawan, di mana terdapat kemungkinan hubungan dengan masyarakat dan di mana kebanyakan masa yang ada adalah berkenaan alam sekitar. Konsep ini biasanya digunakan oleh institusi-institusi kerajaan dan ahli akademik, dan jarang sekali pengembara akan meminta di pusat maklumat untuk tempat atau aktiviti-aktiviti Pelancongan Alternatif.

Bagi Brohman (1996) pula Pelancongan Alternatif didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan perjalanan yang peribadi dan sah dan menggalakkan interaksi dengan persekitaran tempatan, orang ramai dan masyarakat. Pelancongan alternatif termasuk pakej pelancongan dan perkhidmatan pelancongan individu dalam bidang berikut:

- i. Pelancongan alam semula jadi berasaskan pelancongan di persekitaran semula jadi, ekopelancongan, di luar dan pengembaraan termasuk berbasikal, menunggang kuda, ski, salji, *snowshoeing*, berakit, menyelam, meneroka gua dan mendaki.

- ii. Pelancongan budaya luar bandar, warisan budaya, etnik, agama, wain, masakan, muzik dan kraf.

Pelancongan Alternatif juga menggabungkan produk pelancongan atau perkhidmatan pelancongan yang berasingan, berbeza daripada Pelancongan Massa dengan cara pembekalan, organisasi dan sumber manusia yang terlibat. Antara yang terlibat dalam Pelancongan Alternatif adalah berkaitan luar bandar, ekopelancongan, pengembaraan (berbasikal, menunggang kuda, *snowshoeing*, *ski* mendaki gunung, berakit, menyelam, meneroka gua, mendaki) dan pelancongan bertema yang berkaitan dengan warisan budaya dan sejarah, esoterik, agama, wain, masakan tradisional, etnografi dan muzik tradisional dan kraf tangan (Geoffrey, 1999). Salah satu pengisian yang terdapat dalam Pelancongan Alternatif ini adalah Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*).

2.5 Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*)

Berdasarkan kajian Okazaki (2008), penyertaan masyarakat dalam proses perancangan pelancongan yang disarankan adalah satu cara bagi melaksanakan pelancongan yang mampan. Terdapat beberapa kajian yang terperinci cara yang ketara dan praktikal untuk menggalakkan atau mengukur penyertaan komuniti. Sebenarnya pendekatan yang membawa kepada penyertaan masyarakat yang telah lama disarankan sebagai satu bahagian penting dalam pembangunan pelancongan yang mampan. Ia dijangka bahawa, pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan masyarakat dengan mengurangkan kesan negatif pelancongan di samping meningkatkan kesan positif.

Bagi pandangan Connell (1997) yang mengulas mengenai pelancongan berasaskan komuniti ini pula, beliau berpendapat bahawa penglibatan penduduk tempatan bukan sahaja berdasarkan kepada keuntungan hasil dari pembangunan pelancongan tersebut, malah ia adalah berkenaan pengetahuan dan ilmu dalam pengurusan industri pelancongan bagi menjamin kestabilan.

Pelancongan Berasaskan Komuniti mempunyai tiga kriteria;

- i. Ia mempunyai sokongan dan penyertaan dari penduduk tempatan.
- ii. Ia akan memberi kesan yang positif terhadap ekonomi penduduk tempatan di kawasan atau yang berhampiran dengan tempat pelancongan tersebut.
- iii. Aktiviti pelancongan yang dijalankan haruslah melindungi identiti budaya masyarakat dan alam sekitar.

Dalam erti kata lain Pelancongan Berasaskan Komuniti ini salah satu cara meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial, di samping melindungi budaya tempatan melawan arus globalisasi yang semakin meningkat (Russell, 2000)

Homestay adalah salah satu cabang program yang terdapat di dalam Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community Based Tourism*) yang memperkenalkan kepada pelancong tentang alam semula jadi dan kehidupan gaya desa (Jabil Mapjabil, 2011).

2.6 Sejarah pembangunan *homestay*

Konsep *homestay* telah mula diperkenalkan secara tidak rasmi di Malaysia sejak tahun 1970-an lagi. Ketika itu, sudah ada sebilangan penduduk kampung di Cherating, Pahang yang menyediakan penginapan kepada para pelancong luar yang ingin tinggal lama untuk menikmati keindahan Pantai Cherating. Para pelancong dibawa untuk tinggal bersama dengan keluarga di kampung mereka dan disediakan sarapan pagi oleh tuan rumah. Namun ketika itu penyertaan masyarakat tidak begitu meluas dan *homestay* dijadikan sebagai alternatif kepada pusat peranginan bagi mereka yang ingin menjimatkan kos penginapan. Menyedari wujudnya rangsangan ekonomi melalui aktiviti itu, maka program *homestay* telah diperkenalkan secara rasmi di peringkat nasional oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia pada tahun 1995. Program *homestay* pertama di Malaysia yang mendapat sokongan oleh pihak kerajaan ialah program *homestay* di Desa Murni, sebuah komuniti yang terdiri daripada lima kampung berdekatan Termerloh, Pahang (Amran, 2008).

RUJUKAN

- Adam, Z. (2009). *Penggunaan Bahasa Arab Dalam Komunikasi Pemandu Pelancong Ke Arah Penggunaan Bahasa Arab Dalam Komunikasi Pemandu Pelancong Ke Arah*. International Islamic University Malaysia , 1-11.
- Ahmad Anuar (2008). *Komunikasi*. Dicapai pada Oktober 10, 2012 dari Scribd:
<http://www.scribd.com/doc/17403518/pengertian-komunikasi>
- Amran Hamzah (2004). The Evolution Of The Homestay Programme In Malaysia : Performance, Sustainability And Challenges. Country Paper presented of the ASEAN Homestay Conferences.Organise by the Ministry of Tourism Malaysia, The Marriott Hotel, Putrajaya 28-30 September 2004.
- Amran, D. H. (2008). *Perancangan Koridor Pelancongan Berasaskan Budaya dan Alam Semulajadi. Projek Lapangan di Kelantan Darul Naim*. Universiti Teknologi Malaysia:Tesis Sarjana.
- Andreas Hauser (2009). Approaching a Definition of Mass Tourism. Dicapai pada Mei 20, 2012 dari Destination World:
<http://www.destinationworld.info/newsletter/feature45.html>
- Arrasian.(2000). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Edisi ke-6. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Azman Saidin. (2010). *Membuat Anggaran Kerja*. Dicapai pada Oktober 8, 2012 dari Blogspot: <http://azamansaidin.blogspot.com/2010/07/membuat-anggaran-kerja-estimating.html>
- Borden dan Abbott. (2002). *Research Design and Methods: A Process Approach*. 10th Edition. New York: McGraw Hill.
- Brohman, J. (1996). New Directions In Tourism For Third World Development. *Annals Of Tourism Research* , 48-70.
- Chua Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.



PTT A U T M
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Citra Ayya (2012). *Apa Itu Pengetahuan*. Dicapai pada September 2, 2012 dari Scribd: <http://www.scribd.com/doc/88586991/Apa-Itu-Pengetahuan>
- Connell, D. (1997) Participatory development: An approach sensitive to class and gender. *Development in Practice* 7 (3), 248–259.
- Dambul, R. (2008). *Memahami permasalahan pelancongan di Kundasang, Sabah: kekuatan dan kelemahan pendekatan positivisme*. *Malaysian Journal of Society and Space* 4 , 20-31.
- Datuk Ahmad Zahid. (2004, 10 3). *Insentif Galak Lebih Ramai Ceburi Pemandu Pelancong*. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2008). Laman Web DBP. Dicapai pada Mei 8, 2012 dari Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pengarah>.
- Deyall (2004). Pengenalan Kepada Pelancongan. Dicapai pada September 3, 2012 dari Scribd: <http://www.scribd.com/doc/5205320/pengenalan-pelancongan>
- Dingsu (2007). *Maksud Keusahawanan*. Dicapai pada Oktober 9, 2012 dari e-Forum Sandakan City Friends: <http://scfmps.forumotion.com/t30-maksud-keusahawanan>
- Edward (1991). *Small Business Usage Of The Target Marketing*. *Journal of Small Business Management*. pp 79-85.
- Emby, M. R. (2009). Assessing Community Leadership Factor in Community Capacity Building in Tourism Development: A Case Study of Shiraz, Iran. *J Hum Ecol*, 28(3) , 171-176.
- Ford, & Weissbein.(1997). Transfer of training: An update review and analysis. *Performance Improvement Quarterly*, 10, 22-41.
- Geoffrey, S. R. (1999). Ecotourism: Towards Congruence Between Theory and Practice. *Tourism Management* 20 , 123-132.
- Goodwin. (2005). *Research in Psychology: Methods and Design*. 4th Edition. New York: John Wiley & Sons, Inc. 414.
- Halimaton Saadiah Hashim, R. A. (2010). Governans Untuk Geopark: Langkawi Geopark Sebagai Acuan. *Akademika* 80 , 30-54.
- Hamzah Jusoh. (2009). *Penyertaan Komuniti Luar Bandar Dalam Bidang Keusahawanan Melalui Program Gerakan Daya Wawasan (GDW)*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke IV 2012 (pp. 369-384). Kuantan: PERKEM.



- Hanim, R. O. (2007). Kepentingan Beberapa Pasaran Utama Negara ASEAN Kepada Pembangunan Industri Pelancongan Malaysia. *IJMS 14 (2)* , 163-183.
- Hashim, A. M. (2010). *Kajian Mengenai Aspek Ergonomik Dan Rekabentuk Terhadap Alatan Tangan (Hand Tools) Dalam Aktiviti Pembuatan Barangan kraf Seramik Di Dalam Industri Kraft Angan Sederhana (IKS) Di Perak Dan Sarawak*. Shah Alam: UiTM.
- Hiong, L. B. (2007). *Pembangunan EkoPelancongan Di Cameron Highlands: Satu Kajian Kes*. Universiti Sains Malaysia. Tesis Sarjana.
- Ibrahim, Y. (2004). Keushawanan Di Alam Kemiskinan: Satu Kajian Terhadap Komuniti Pulau Di Sektor Pelancongan. In M. A. Che Ani Mad, *Keushawanan Pelancongan* (pp. 33-61). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim, Y. (2006). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ife J (2002). *Community Development: Community-Based Alternatives in an Age of Globalization*. Sydney: Longman Press.
- Institusi Kemajuan Desa. (2012). *Pengurusan Homestay*. Dicapai pada Oktober 18, 2012 dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah:
<http://www.infra.gov.my/web/guest/pengurusan-homestay>
- Irfan Khiri. (2012). Promosi Perniagaan. Dicapai pada November 20, 2012 dari Web Perniagaan, Kewangan & Motivasi:
<http://www.irfankhairi.com/blog/perniagaan/promosi-perniagaan-the-rule-of-5/>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor .(2007). Laporan Tahunan. Dicapai pada Mac 18, 2012 dari Web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor:
http://jpbd.johordt.gov.my/pdf/dokumen_terbitan/laporan_tahunan_jpbd09.pdf
- Jabatan Pertanian Batu Pahat (2005). *Maklumat Kutipan Hasil*. Jabatan Pertanian Yong Peng. Jabatan Pertanian Malaysia.
- Jabil Mapjabil (2012). *Implikasi sosioekonomi pembangunan pelancongan penyelaman skuba terhadap komuniti pulau di Malaysia: Satu tinjauan awal*. *Malaysia Journal of Society and Space*. 26-38.



- Jabil Mapjabil, S. A. (2011). Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek. *Malaysia Journal of Society and Space* 7 , 45-54.
- Jahi, J. M. (2009). Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management* 10(2) , 71-88.
- Jusoh, A. (2007). *Penentuan Kemahiran Yang Bersesuaian Untuk Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Definisi (2009). Definisi teknikal. Dicapai pada Oktober 9, 2012 dari Artikata.com: <http://www.artikata.com/arti-353701-teknik.html>
- Karl Von. (2008). *Definisi Strategi*. Dicapai pada Setember 3, 2012 dari Cara Pedia: http://carapedia.com/pengertian_definisi_strategi_info2036.html
- Kartila, E. I. (2008). *Sikap Dan Tindakan Masyarakat Bantaran Sungai Ciliwung Dalam Aktiviti Pembuangan Sampah Rumah Tangga*. Koto Bogor: Institusi Pertanian Bogor.
- Kayat, N. A. (2006). *Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay Di Kedah*. *Akademika*. 67 , 77-102.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2009). Homestay. Dicapai pada Mei 1, 2012 dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: <http://www.rurallink.gov.my/180>
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2012). Homestay. Dicapai pada Mei 22, 2012 dari Kementerian Pelancongan Malaysia: <http://www.motour.gov.my/>
- Koharuddin (2007). *Gerakan Daya Wawasan (GDW) Sebagai Pemangkin Pembinaan Nilai-Nilai Proaktif, Kreatif, Inovatif Dan Cemerlang Komuniti Luar Bandar Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia, 1-11.
- Kretzmann, J., & McKnight, J. (1997). *A guide to capacity inventories : mobilizing the community skills of local residents*. Chicago, IL: ACTA Publications.
- Lendrum, Tony (2003). *The Strategic Partnering Handbook – The Practitioners' Guide To Partnerships and Alliances*. Bostan. Mc-Graw Hill Company.
- Macroeconomic (2010). Compendium of Tourism Statistics. Dicapai pada Mei 10, 2012 dari UNWTO: <http://statistics.unwto.org/en/content/compendium-tourism-statistics>.



PTTA UTHM
 PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Michael, J. F. (2011). Sistem Tagal dalam Industri Pelancongan: Manfaat Kepada Komuniyi. *Malaysia Journal of Society and Space* 7 , 14-25.
- Mitchell, R. E. (2001). Community Integration Island Tourism in Peru. *Annals of Tourism Research* , 113-139.
- Mohd. Majid (2000). *Kaedah Penyelidikan Penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Terbitan Pertama. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nadinar (2011). *Definisi Kraftangan*. Dicapai pada Oktober 9, 2012 dari Scribd: <http://www.scribd.com/doc/67053347/Definisi-Kraftangan>
- Najib. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 69-70, 184.
- Ngece, K. (2002). Community Based Ecotourism: What can the people of East Africa learn from success stories elsewhere? *East African Ecotourism Development and Conservation Consultants Nairobi* , 1-4.
- Nor, A. S. (1989). Analisis Permintaan Pelancongan di Malaysia. *Pertanika* 12 (3) , 425-432.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, T. S. (2011). Kepuasan dan Kesetiaan Pelancong Domestik Terhadap Destinasi Pelancongan Pulau Kapas. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 1 , 10-21.
- Nurulhuda (2009). *Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 143- 165.
- Okazaki, E. (2008). A Community-Based Tourism Model: Its Conception and Use. *Journal Of Sustainable Tourism* , 511-529.
- Osman, H. B. (2007). *Faktor- Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman, L. K. (2010). Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Sosiohumanika*, 3(2) , 273-294.
- Pazin, F. B. (2005). *Pensilaian Pengalaman Dan Tahap Puas Hati Pelancong Terhadap Program Homestay Kajian Kes: Kg. Desa Murni, Termerloh, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.



PTTAUTHM
 PERPUSTAKAAN TOKKITURKAMINAH

- Romiza Zainul. (2012). *Implikasi sosioekonomi pembangunan pelancongan penyelaman skuba terhadap komuniti pulau di Malaysia: Satu tinjauan awal*. *Malaysia Journal of Society and Space* 8, (26—38).
- Russell, P. (2000). Community Based Tourism. *Travel & Tourism Analyst* , 89-116.
- Salleh, N. O. (2010). Analisis Hubungan Pembangunan Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi: Perbandingan Pasaran Antarabangsa. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44 , 92-100.
- Sarman, Z. B. (2007). *Mengenalpasti Corak Pembelian Pelancong Antarabangsa Terhadap Produk Cendramata Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Shamsul Azree. (2012). *Penstrukturan Semula Sekolah Vokasional Tampung Keperluan Tenaga Mahir, Terlatih*. Dicapai pada Oktober 12, 2012 dari Berita Harian
Online: http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Penstrukturansemulasekolahvokasionaltampungkeperluantenegamahir_terlatih/Article
- Shariff, N. M. (2003). *Residents' Attitudes toward Impacts of Tourism: A Case Study of Langkawi, Malaysia*. *Malaysian Management Journal* , 13-25.
- Sulehan, J. (2008). *Memobilisasikan Penyertaan Lokal Melalui Participatory Rural Appraisal (PRA) Bagi Penilaian Keperluan Untuk Pembangunan Komuniti*. *Jurnal Malaysia*, 170-179
- Sulong Muhammad (2006). *Implikasi Struktur Kunci Air Ke Atas Aktiviti Pelancongan Dan Penduduk Sekitar Tasik Chini Dan Sungai Chini, Pahang*. *Jurnal e-Bangi*, 1 – 13.
- Talib, A. (2009). *Penyertaan Komuniti dalam Bidang Keusahawanan Luar Bandar. Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII 2012 (pp. 738-749). Sintok: PERKEM.
- Theobald, W. F. (2005). *Global Tourism*. Burlington: British Library Cataloguing-in-Publication Data.
- Timothy, D. 1999. Participatory Planning: A View of Tourism in Indonesia. *Annals of Tourism Research*. 26(2): 371 – 391.
- Unit Perancang Ekonomi (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Jabatan Perdana Menteri Putrajaya.
- Usahawan Bumiputera. (2012). *Mengatur Strategi Pemasaran Berkesan*. Dicapai pada November 15, 2012 dari Web Usahawan Bumiputera:



http://usahawanbumiputera.com/Mengatur_Strategi_Pemasaran_Berkesan.html

Wahab, I. A. (2008). *Budaya Keusahawanan Panduan Memulakan Perniagaan*.

Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston:

Allyn and Bacon.

Yahaya, A. et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori,*

Analisis Dan Interpretasi Data. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Yusnita Binti Yusof, W. A. (2012). Developing Model Of Transformation

Leadership And Organizational Commitment In Homestay Program. *3rd*

International Conference On Business And Economic Research Proceeding

(pp. 1-11). Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.: Universiti Malaysia

Terengganu.

Zakaria, Z. B. (2002). *Persepsi Penduduk Negeri Terengganu Terhadap Industri*

Pelancongan Di Negeri Terengganu. Shah Alam: Universiti Teknologi

MARA.

Zuriatunfadzliah. (2009). *Perubahan Budaya Orang Bateq Dalam Situasi*

Ekopelanconga Di Taman Negara. *Journal Of Social Sciences And*

Humanities , 159-169.

